

Headline	Kenneth Cole duta muhibah UNAIDS		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	11 Jun 2016	Color	Black/white
Section	Dunia	Circulation	125,514
Page No	41	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	122 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,215
Frequency	Daily	PR Value	RM 6,644



Kenneth Cole duta muhibah UNAIDS

New York: Pereka fesyen dan aktivis AIDS (Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit), Kenneth Cole dinamakan sebagai duta muhibah antarabangsa agensi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) yang memerangi penyakit itu, baru-baru ini.

Mahu hapuskan AIDS

Pelantikan oleh ketua UNAIDS, Michel Sidibe itu dibuat ketika kemuncak mesyuarat peringkat tinggi Perhimpunan Agung PBB bagi menamatkan AIDS bermula semalam.

Cole memberitahu sidang media di ibu pejabat PBB di sini, beliau berharap untuk menggabungkan tugasnya di PBB dengan Yayasan Penyelidikan AIDS atau amFAR, serta matlamat mencari penawar penyakit itu menjelang 2020.

Beliau berkata, adalah amat penting untuk terus memberi kesedaran mengenai AIDS kerana penawarnya masih boleh ditemui walaupun ketika gesaan penarikan balik pembiayaan penyelidikan penyakit itu meningkat.

“AIDS boleh ditamatkan sebagai krisis kesihatan umum jika sumbernya boleh diperolehi,” katanya.

Cole sekian lama terbabit dalam usaha global menamatkan wabak HIV dan AIDS, menyertai ahli lembaga amFAR pada 1987.

“Kita memasuki satu fasa penting mengenai maklum balas terhadap HIV dan saya tahu Kenneth boleh membuat sumbangan ketara dan berkuasa ke arah matlamat dikongsi kami bagi menamatkan epidemik AIDS menjelang 2030,” kata Sidibe mengumumkan pelantikan itu.

Headline	Kenneth Cole duta muhibah UNAIDS		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	11 Jun 2016	Color	Black/white
Section	Dunia	Circulation	125,514
Page No	41	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	122 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,215
Frequency	Daily	PR Value	RM 6,644

